

28 AUG 2003

UiTM-Pemikiran

PEMIKIRAN PM JADI MATA PELAJARAN DI UiTM TAHUN DEPAN

DUNGUN, 28 Ogos (Bernama) -- Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan mengadakan satu mata pelajaran khusus mengenai pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun depan.

Naib Canselor UiTM Datuk Seri Profesor Dr Ibrahim Abu Shah berkata bagi tujuan itu UiTM membeli sebanyak 7,000 naskah buku terjemahan koleksi minda Dr Mahathir terbitan Institut Terjemahan Negara untuk diagihkan kepada 14 kampus cawangannya.

Beliau berkata senat UiTM telah meluluskan cadangan memperkenalkan mata pelajaran itu yang dijangka diajar kepada penuntut Fakulti Komunikasi Massa dan Fakulti Pentadbiran Awam.

"Pembelian buku itu adalah fasa pertama dan ia akan ditambah apabila minda Dr Mahathir ini menjadi mata pelajaran. Pada masa ini, ia diajar secara tidak rasmi.

"Kita sedang memperincikan mengenainya (pemikiran Dr Mahathir) dalam apa jua bentuk dan satu unit khas di bawah Bahagian Hal Ehwal Akademik telah ditubuhkan bagi tujuan itu," katanya selepas menyerahkan buku-buku itu di UiTM Cawangan Terengganu di sini hari ini.

Majlis penyerahan itu dirasmikan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh.

Dr Ibrahim berkata langkah memperkenalkan mata pelajaran itu bagi membolehkan pelajar dan pensyarah di UiTM mendalami dan mempelajari idea serta pemikiran Dr Mahathir yang dianggap cukup unik dan luar biasa.

Malah, katanya mata pelajaran itu juga dapat membentuk minda masyarakat Melayu agar lebih positif bagi memastikan kemajuan yang dicapai oleh negara hasil pemikiran Dr Mahathir, dapat diteruskan.

"Saya mahu lihat 100,000 pelajar UiTM mempunyai pemikiran global kerana kita tidak mahu mereka seperti budak kampung...lagi pun UiTM akan bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2008," katanya.

Ditanya mengenai pendirian segelintir pensyarah UiTM yang begitu negatif terhadap pemikiran Dr Mahathir, beliau mengakui bahawa perkara itu memang wujud di universiti berkenaan sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya keadaan pada hari ini sudah berubah apabila lebih 98 peratus pensyarah UiTM sudah menerima kejayaan hasil pemikiran Dr Mahathir.

"Dulu mereka mungkin terlalu emosi tetapi kini sudah berubah kerana mereka sudah melihat kejayaan yang Dr Mahathir buat dan sudah tidak ada sebab untuk mereka menafikannya. Lagi pun saya dan tenaga kerja UiTM lain telah menjelaskan kepada mereka mengenai pelbagai isu semasa," katanya.

-- BERNAMA

AYB ERE RON